

Harian HINGGA

KUALA LUMPUR, Jumaat — Barisan Nasional nampaknya mempunyai keyakinan penuh mengulangi sejarahnya menempatkan parti lawan kali ini, di Seremban esok. DAP juga tidak mahu mengalah dan semakin menghebatkan kempen-kempenya untuk menandingi undi.

Kawasan pilihanraya parlimen yang menjadi kubu kuat DAP sejak 13 tahun lalu berjaya ditampakan oleh calon MCA yang bertanding atas tiket Barisan Nasional, Datuk Lee San Choon, dengan undi majoriti 845 di pilihanraya tahun lalu.

Kemenangan bekas Presiden Kebangsaan MCA yang juga bekas Menteri Pengangkutan itu bukan sahaja menjadi impian Barisan Nasional, juga dikatakan membahayakan Presiden Kebangsaan DAP, Dr Chen Man Hin. Setiausaha Agungnya, Enok Lim Kit Seng dan pengikut-pengikutnya dari berkerak terus.

Mungkinkah sejarah itu akan berulang lagi esok?

Sejauh untuk memper-tahankan kerusi wakil rakyat perlimen jelas terbayang di wajah setiap penyokong parti komponen BN yang menjalinkan kempen dari rumah ke rumah dan ceramah di sekitar Seremban.

Pengerusi Barisan Nasional Negeri, Datuk Rais Yatim dan Pengarah Pilihanraya Negeri, Datuk Mohd Isa Abdul Samad sudah setiap ceramah yang dianjurkan juga bersemangat juga menentang peninggalan untuk keselamatan dengan menamatkan sambutan DAP dari bergiat terus di bandar itu.

Kedua-dua pemimpin Barisan Negeri itu memberitahu, peluang untuk menang adalah lebih dari 54 peratus jika dilihat dari kesan jumlah ceramah kempen DAP rumah ke rumah dan usaha yang ditingkatkan sejak hari-hari menjelang pada 2 November lalu sehingga 3 hari ini.

Oleh AIRY LIM dan ZULKEFLI ABU

Pelbagai cara dan usaha baru dicuba untuk mengekalkan kerusi itu dari jatuh ke tangan Pengerusi Kebangsaan DAP, Dr Chen Man Hin, yang akan berhadapan dengan calon wanita Barisan Nasional, Puan Rosie Teh Lee Beng.

Langkah terbaru yang diambil oleh MCA dan penyokong-penyokong Barisan Nasional ialah membawa Puan Rosie mengemilingi Seremban dengan landcover di saat-saat akhir sebelum hari mengundi.

Pengarah

Di samping melambai-lambai tangannya, Puan Rosie Teh dikatakan menggunakan kesempatan yang ada di setiap ceramah yang dianjurkan oleh Barisan atau parti-parti komponennya untuk bersekolah dengan seberapa ramai pengundi yang boleh.

Sementara itu, parti DAP mengemukakan baju-baju T berwarna pu-merah untuk dijual dengan harga \$1 sehelai kepada ahli-ahlinya dan \$3 kepada bukan ahli.

Puan Rosie Teh yang sudah 10 tahun bergiat dalam lapangan politik keluar rumah pada jam 7 atau 8 pagi untuk ber-

BN yakin penuh, DAP tak mahu mengalah...

LATAR BELAKANG CALON YANG BERTANDING

Pilihanraya kecil hari ini kerana peletakan jawatan bekas Presiden Kebangsaan MCA yang juga bekas Menteri Pengangkutan, Datuk Lee San Choon, pada 18 Oktober tahun ini.

Jumlah pengundi: 60,899. Cina: 37,704. Melayu: 13,421. India: 9,453. lain-lain: 321.



ROSIE TEH LEE BENG.
Umur: 39 tahun.

Taraf Perkahwinan: Sudah berkahwin dan mempunyai tiga orang anak lelaki.
Parti: MCA.

Perkecimpung dalam politik: Selama 10 tahun.
Pekerjaan: Guru dan Ahli Majlis Perbandaran Seremban

Pendidikan: Ijazah sarjana muda dari Universiti Malaya.

DR CHEN MAN HIN.
Umur: 59.

Taraf Perkahwinan: Sudah berkahwin
Parti: DAP

Perkecimpung dalam politik: Selama 19 tahun
Pekerjaan: Doktor perubatan dan Ahli Dewan Undangan Negeri dalam tahun 1965, Ahli Parlimen 1968, 1971 dan 1978.

Pendidikan: Lulusan Ijazah kedoktoran dari Universiti Malaya (Singapura).

kempen dari rumah ke rumah dan hadir di ceramah-ceramah yang diadakan oleh Menteri Besar, Datuk Mohd Isa Samad dan Pengerusi Barisan Nasional, Datuk Rais Yatim.

Beliau dikatakan ter-

kenal di kalangan semua bangsa selepas hari penamaan calon, dikatakan hanya pulang ke rumah pada jam 2 pagi untuk beristirahat selepas menghadiri beberapa kempen dalam seramai.

Menurut Datuk Rais, lebih 300 ceramah diadakan di setiap daerah di kawasan pilihanraya itu oleh Umno dan MIC.

MCA pula merancang mengadakan 80 ceramah yang akan dilaksanakan sebelum hari mengundi.

Parti itu hanya memunculkan perhatian dalam ceramah bahasa Inggeris dan bahasa Melayu, sementara Umno memunculkan perhatian dalam ceramah bahasa Melayu.

Kira-kira 600 ahli Pergerakan Wanita MCA, Pergerakan Pemuda, pemimpin tempatan dan luar sama-sama menjalinkan kempen dari rumah ke rumah dan ceramah di kawasan yang ditayangkan.

Parti MIC pula ditunjukkan untuk memunculkan ceramah dalam bahasa Inggeris di est-etel-end dan perkembangan India.

Sukarela

Sekalini ini, hanya parti Gerakan yang kelihatan jika dibandingkan dari jumlah ceramah yang diadakan.

Pengerusi Gerakan Negeri, Enok Chan Chong Fak, memberitahu, pihaknya merancang mengadakan enam ceramah di samping mempunyai 100 ahlinya yang menjalinkan kempen dari rumah ke rumah secara sukarela.

DAP yang dikatakan juga berusaha untuk memperbaharui waki-nya, mengadakan kira-kira 65 ceramah di kubu kuatnya di Basah, Rangang dan Sungai Ujong.

Kira-kira 500 ahlinya yang bekerja mengemilingi giliran pada setiap hari minggu mengadakan ceramah 200 ceramah dan kempen.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, yang ke Seremban baru-baru ini meniatkan DAP sudah "kekerangan itu dan sering memperjuangkan kita yang tidak berasa". Partinya pula mengambil kesempatan yang ada untuk melancarkan buku keduanya untuk memancing undi.

Tinjauan Berita Harian mendapati, sejak mula-mula lagi, malah sebelum hari penamaan calon, Barisan Nasional

begitu berusaha untuk memperolehi 49 peratus dari pengundi wanita di negeri ini, tetapi dalam diam-diam DAP juga melancarkan gerakan yang sama.

Di samping kejadian cabar-mencabar antara kedua-dua pemimpin-pemimpin itu, isu mengenai 'undi ghaib' yang menggunakan kad pengenalan orang lain untuk menyamar sebagai pengundi timbul begitu banyak.

Siapa-kah yang bertanggungjawab melakukan atau memulakan 'undi ghaib'? Nampaknya tiada siapa yang tahu. Tetapi yang jelas kelihatan sekarang, cabar-mencabar antara parti dan menolok isu itu antara satu sama lain sudah wujud dan menjadi bermula mulut di mana-sini.

Kedua-dua parti mana-

sihah orang ramai, selain memberi amaran kepada pengundi supaya melapor kepada pejabat kepada polis kerana perbuatan menyamar adalah salah di bawah Akta Pilihanraya 1954.

Sebahagian besar dari pengundi-pengundi yang ditemui dan dilayari mendapat masing-masing mengenal calon mana yang harus dipilih enggan menjawab.

Emosi

Mereka bukan sahaja kelihatan ditelubangi emosi, juga memandang orang-orang asing di negeri itu dengan pandangan yang penuh prangsangka.

Harlya separeh dari 30 orang yang ditemui bertanya mengapa Datuk Lee melekatkan jawatan

sekarang dan tidak di pilihanraya umum yang dijanjikan akan diadakan pada tahun 1988.

Bakinya hanya menjawab, "Peluang akan diberi kepada calon Barisan Nasional. Keputusan mengenal calon setakat ini adalah rasional".

Sebahagian dari mereka berpendapat: "Tentu kami akan mengundi untuk Barisan kerana calon Barisan tinggal di negeri ini dan akan berkhidmat di sini. Calon itu dan tidak juga mengahantar anaknya belajar di negara luar".

"Melabur dan mengahantar anak belajar di negara asing, apabila tidak mempunyai barah di negara asing, secara tidak langsung bermakna seseorang itu nampaknya bukan saja melampuk pentadbiran

dan sistem pelajaran di negara ini, malah mengahului masa depan negara yang terencana ini," jelas mereka.

"Tidakniah lebih jauh untuk memberikan undi kita kepada seseorang yang bertukar sahaja berpindah ke bumi Malaysia, malah menjunjung langitnya sehalai" ujar seorang yang ditemui di Seremban.

Berita Harian juga mendapati jarang sekali kedengaran isu pilihanraya dibincangkan di tempat-tempat terbuka seperti kedai kopi di sekitar bandar, kecuali di beberapa buah kedai kopi bandar-bandar baru dan kampung-kampung di pedalaman sahaja.

Perbualan juga didapati sering terbenam apabila mereka terlihat kedatangan orang asing dan kawasan itu.

CALON Barisan Nasional, Puan Rosie Teh Lee Beng (kanan sekali) bersama Ketua Pergerakan Wanita MCA, Datin Paduka Rosemary Chong (tengah) dan ahli-ahli pergerakan lain di hari penamaan calon.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia